
PERLEMBAGAAN
PERSATUAN WADAH PENCERDASAN UMAT MALAYSIA
(WADAH)

(Mengandungi Pindaan Perlembagaan yang telah diluluskan oleh Pendaftar
Pertubuhan setakat 5 April 2022)

Perlembagaan
Persatuan Wadah Pencerdasan Umat Malaysia
(WADAH)

Kandungan

FASAL 1	-	NAMA.....	1
FASAL 3	-	TEMPAT URUSAN.....	2
FASAL 4	-	LAMBANG.....	2
FASAL 5	-	MATLAMAT.....	2
FASAL 6	-	TUJUAN.....	3
FASAL 7	-	KAEDAH PELAKSANAAN.....	3
FASAL 8	-	KEAHLIAN.....	3
FASAL 9	-	YURAN & BAYARAN LAIN.....	4
FASAL 10	-	PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI.....	5
FASAL 11	-	MUKTAMAR TAHUNAN PUSAT.....	5
FASAL 12	-	STRUKTUR PERTUBUHAN.....	8
FASAL 13	-	JAWATANKUASA KERJA PUSAT (JKP).....	8
FASAL 14	-	KEWAJIPAN ANGGOTA JKP.....	10
FASAL 15	-	MAJLIS PERUNDINGAN.....	12
FASAL 16	-	KEWAJIPAN MAJLIS PERUNDINGAN.....	12
FASAL 17	-	PENUBUHAN DAN PEMBUBARAN WADAH NEGERI.....	13
FASAL 18	-	KEWAJIPAN ANGGOTA JKN.....	17
FASAL 19	-	KEWANGAN.....	18
FASAL 20	-	JURU AUDIT.....	19
FASAL 21	-	PEMEGANG AMANAH.....	20
FASAL 22	-	TAFSIRAN UNDANG-UNDANG.....	20
FASAL 23	-	PENASIHAT/PENAUNG.....	21
FASAL 24	-	LARANGAN.....	21
FASAL 25	-	PINDAAN UNDANG-UNDANG.....	21
FASAL 26	-	PEMBUBARAN WADAH.....	21

Perlembagaan
Persatuan Wadah Pencerdasan Umat Malaysia
(WADAH)

FASAL 1 - NAMA

Pertubuhan ini dikenali dengan nama PERSATUAN WADAH PENCERDASAN UMAT MALAYSIA atau singkatannya “WADAH”.

FASAL 2 - TAFSIRAN

Dalam Perlembagaan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki yang lain –

“Akta”	ertinya Akta Pertubuhan 1966 termasuklah pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;
“ahli”	ertinya seseorang yang telah diterima menjadi ahli WADAH di bawah Fasal 8.4 dan keahliannya itu tidak terhenti oleh apa-apa sebab di bawah Perlembagaan ini;
“anggota JKP”	ertinya anggota-anggota JKP yang terdiri yang daripada pegawai-pegawai pertubuhan yang dinyatakan dalam Fasal 13.1;
“anggota JKN”	ertinya anggota-anggota JKN yang terdiri yang daripada pegawai-pegawai pertubuhan diperingkat negeri yang dinyatakan dalam Fasal 17.2.1;
“Bendahari”	ertinya Bendahari bagi WADAH diperingkat negeri atau wilayah yang dilantik di bawah Fasal 17.2;
“JKP”	ertinya Jawatankuasa Kerja Pusat yang dipilih menurut Fasal 13.1;
“JKN”	ertinya Jawatankuasa Kerja Negeri yang dipilih menurut Fasal 17.2.1;
“Majlis Perundingan”	ertinya Majlis Perundingan WADAH yang ditubuhkan di bawah Fasal 15.1;
“muktamar”	ertinya suatu muktamar WADAH, sama ada tahunan, khas, pusat atau negeri;
“Muktamar Khas”	ertinya suatu muktamar selain daripada Muktamar Tahunan, sama ada diperingkat pusat, negeri atau wilayah;
“Muktamar Tahunan Pusat”	ertinya muktamar tahunan pusat WADAH yang diadakan menurut Fasal 11;
“Muktamar Tahunan Negeri”	ertinya muktamar tahunan WADAH diperingkat negeri yang diadakan menurut Fasal 17.8;
“Ibu Pejabat”	ertinya Ibu Pejabat WADAH sepertimana yang dinyatakan dalam Fasal 3;
“Juruaudit”	ertinya pemeriksa kira-kira yang dilantik di bawah Fasal 20.1;

“Pengerusi”	ertinya Pengerusi bagi WADAH di peringkat negeri atau wilayah yang dilantik di bawah Fasal 17.2;
“Perlembagaan ini”	Ertinya Perlembagaan Persatuan Wadah Pencerdasan Umat (WADAH);
“Presiden”	ertinya Presiden WADAH yang dilantik di bawah Fasal 13;
“Setiausaha Agung”	ertinya Setiausaha Agung WADAH yang dilantik di bawah Fasal 13;
“Setiausaha Kewangan”	ertinya Setiausaha Kewangan WADAH yang dilantik di bawah Fasal 13;
“WADAH”	ialah singkatan kepada nama pertubuhan ini iaitu, Persatuan Wadah Pencerdasan Umat.

Perkataan-perkataan yang bererti tunggal atau jamak, masing-masing hendaklah meliputi tunggal dan jamak.

FASAL 3 - TEMPAT URUSAN

Tempat urusan dan alamat surat-menyurat WADAH ialah di No.7 Lot 2996 Persiaran Makmur , Sungai Merab Luar, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor atau di alamat lain yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh JKP setelah mendapat kebenaran daripada Pendaftar Pertubuhanterlebih dahulu.

FASAL 4 - LAMBANG

- 4.1 Logo WADAH adalah huruf jawi *wau*, *alif*, *dal* dan *hah* yang disusun membentuk perkataan jawi WADAH.



- 4.2 Tertakluk kepada kelulusan Pendaftar Pertubuhan di bawah seksyen 50 Akta, logo WADAH boleh diubah atau diganti dengan suatu logo yang baru melalui suatu resolusi yang diluluskan oleh ahli-ahli WADAH dalam muktamarnya.

FASAL 5 - MATLAMAT

- 5.1 Matlamat WADAH ialah untuk menggalakkan percambahan dan pembinaan idea-idea dakwah yang progresif sesuai dengan perubahan masa dan suasana.

FASAL 6 - TUJUAN

- 6.1 Tujuan WADAH adalah seperti berikut:
- 6.1.1 Menggembleng tenaga dakwah bagi melaksanakan program-program dakwah secara lebih terpadu dan berkesan;
 - 6.1.2 Menyediakan tempat bagi melatih tenaga-tenaga dakwah yang kompeten bagi melaksanakan tugas-tugas dakwah.
 - 6.1.3 Menjadi wahana bagi melaksanakan program-program dakwah dan kesedaran sosial yang dapat meningkatkan rasa tanggungjawab masyarakat terhadap agama, bangsa dan negara.

FASAL 7 – KAEDAH PELAKSANAAN

Bagi mencapai matlamat dan tujuannya, WADAH bolehlah, tertakluk kepada peruntukan Akta, Peraturan, Undang-Undang lain dan Perlembagaan ini, melakukan segala benda yang suaimanfaat atau yang semunasabahnya perlu atau bagi, atau bersampingan dengan, pelaksanaan matlamat dan tujuan-tujuannya, termasuklah :

- 7.1 Mengadakan diskusi, forum, seminar dan persidangan bagi mengenengahkan isu-isu penting berkaitan dengan dakwah dan kepentingan umat.
- 7.2 Mengadakan diskusi, bengkel, forum, seminar dan program latihan bagi mempertingkatkan pengetahuan, kemahiran dan keupayaan juru dakwah dan penggerak masyarakat.
- 7.3 Menerbitkan tulisan, pandangan dan pendapat menerusi media komunikasi yang sesuai, dalam rangka meningkatkan kesedaran dan rasa tanggungjawab serta tahap ilmu masyarakat terutama dalam isu-isu yang berkaitan dengan dakwah dan kepentingan umat, dalam dan luar negara.
- 7.4 Membentuk kumpulan-kumpulan kerja, jawatankuasa-jawatankuasa, agensi-agensi yang bersesuaian bagi membantu menjayakan objektif dan matlamat persatuan.
- 7.5 Mewujudkan komunikasi dan jaringan serta kerjasama dengan mana-mana pertubuhan, persatuan dan pihak-pihak yang sah dalam rangka menjayakan objektif dan matlamat persatuan.
- 7.6 Menjana kewangan dari sumber-sumber yang sah dan halal dari sudut syariat bagi membiayai keperluan aktiviti dan kepentingan persatuan.

FASAL 8 - KEAHLIAN

- 8.1 Keahlian WADAH terbuka kepada rakyat Malaysia yang beragama Islam dan berusia 35 tahun ke atas, tanpa mengira bangsa, kaum atau jantina. Bilangan ahli tidak dihadkan.
- 8.2 Jenis Keahlian :
 - 8.2.1 Ahli Biasa
 - 8.2.2 Ahli Seumur Hidup
- 8.3 Setiap permohonan menjadi ahli hendaklah dicadangkan dan disokong oleh dua (2) orang ahli dengan menggunakan borang permohonan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Kerja Pusat (JKP).

- 8.4 Setiap borang permohonan yang telah dilengkapi berserta dengan bayaran yuran permohonan hendaklah dihantarkan kepada Setiausaha WADAH Negeri yang hendaklah mengemukakan permohonan itu dengan secepat mungkin kepada Jawatankuasa Kerja Negeri (JKN). JKN boleh, mengikut budi bicaranya, menolak sebarang permohonan tanpa menyatakan sebab-sebabnya.
- 8.5 Seseorang pemohon yang permohonannya telah diluluskan seperti tersebut di atas hendaklah, setelah menjelaskan yuran keahlian dan apa-apa bayaran lain yang ditetapkan di bawah Fasal 9, diterima menjadi ahli dan berhaklah ia sebagai ahli.
- 8.6 Seseorang pelajar universiti atau kolej universiti tidak boleh diterima menjadi ahli pertubuhan ini kecuali ia telah dibenarkan terlebih dahulu secara bertulis oleh Naib Canselor Universiti yang berkenaan.

FASAL 9 - YURAN & BAYARAN LAIN

9.1 Yuran Keahlian

9.1.1 Yuran-yuran keahlian adalah :

- | | |
|-----------------------------------|----------|
| (a) Yuran Tahunan bagi Ahli Biasa | RM25.00 |
| (b) Yuran bagi Ahli Seumur Hidup | RM600.00 |

9.1.2 Yuran Tahunan bagi ahli biasa hendaklah dijelaskan sebelum daripada 1^{hb} April pada tiap-tiap tahun kepada Bendahari WADAH Negeri. Jika WADAH negeri belum ditubuhkan, pembayaran hendaklah disampaikan kepada Setiausaha Agung.

9.1.3 Yuran bagi ahli seumur hidup hendaklah dijelaskan sepenuhnya dalam tempoh yang ditetapkan setelah suatu notis kelulusan permohonan dikeluarkan. Yuran tahunan tidak dikenakan ke atas ahli seumur hidup.

9.2 Bayaran Lain

9.2.1 Bayaran-bayaran lain adalah :

- | | |
|------------------------|---------|
| (a) Bayaran Permohonan | RM2.00 |
| (b) Bayaran Masuk | RM25.00 |

9.2.2 Bayaran Permohonan hendaklah disertakan bersama dengan setiap borang permohonan yang dihantar. Bayaran Permohonan adalah dikenakan bagi pemprosesan permohonan keahlian dan ianya tidak akan dikembalikan kepada pemohon.

9.2.3 Bayaran Masuk hendaklah dijelaskan bersama dengan yuran yang berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan setelah suatu notis kelulusan permohonan dikeluarkan.

9.3 Ahli-ahli biasa yang tidak membayar yuran tahunan dalam tempoh yang ditetapkan di bawah Fasal 9.1.2 tidak berhak untuk hadir atau mengundi dalam mana-mana muktamar sehinggalah yuran yang tertunggak itu dijelaskan sepenuhnya.

9.4 Ahli-ahli biasa yang membiarkan hutangnya sebanyak lebih dari jumlah yuran tahunan bagi 2 tahun akan terhenti menjadi ahli jika –

9.4.1 suatu notis peringatan telah dikeluarkan oleh Setiausaha Agung, atau orang yang diberi kuasa olehnya, kepada ahli itu; dan

- 9.4.2 ahli itu gagal menjelaskan hutang yang telah tertunggak dalam tempoh 2 bulan daripada tarikh notis itu dikeluarkan.
- 9.5 JKP mempunyai kuasa untuk menetapkan yuran masuk semula bagi sesiapa yang membiarkan keahliannya terlucaut disebabkan hutang. Seseorang yang membuat permohonan untuk masuk semula hendaklah, ketika membuat permohonan itu, menjelaskan semua hutangnya yang tertunggak.
- 9.6 Yuran khas atau kutipan wang daripada ahli-ahli untuk perkara yang tertentu boleh dipungut dengan persetujuan muktamar perwakilan pertubuhan. Sekiranya ada ahli yang mungkir membayar wang yuran tersebut dalam tempoh yang ditetapkan, maka wang itu akan dianggap sama seperti hutang yuran tahunan.

FASAL 10 - PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI

10.1 Pemberhentian Ahli

Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli, hendaklah memberi kenyataan bertulis atau dengan mengisi borang yang ditetapkan 2 minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha Wadah Negeri dan menjelaskan segala tunggakan dan hutangnya (jika ada).

10.2 Pemecatan/ Penggantungan Ahli

10.2.1 Mana-mana ahli yang gagal mematuhi Perlembagaan ini atau bertindak dengan cara yang dapat ditafsirkan sebagai mencemarkan nama baik WADAH boleh dipecat atau digantung keahliannya bagi suatu tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh JKP.

10.2.2 Sebelum JKP memecat atau menggantung ahli tersebut, ahli itu hendaklah diberitahu sebab-sebab bagi pemecatan atau penggantungannya secara bertulis. Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang untuk memberi penjelasan dan membela dirinya.

10.2.3 Pemecatan atau penggantungan itu hendaklah dilaksanakan melainkan jika muktamar menunda atau membatalkan keputusan itu atas rayuan ahli berkenaan.

FASAL 11 - MUKTAMAR TAHUNAN PUSAT

- 11.1 Bagi undang-undang ini, seorang “ahli terus” maknanya ialah seorang ahli pertubuhan yang tidak menjadi ahli WADAH Negeri dan seorang “wakil ahli” maknanya ialah seorang wakil yang dilantik oleh ahli-ahli terus.
- 11.2 Pentadbiran pertubuhan ini terserah kepada muktamar tahunan yang mengandungi wakil-wakil WADAH Negeri dan wakil-wakil ahli dan ahli-ahli JKP. Sebarang ahli pertubuhan, dengan persetujuan Presiden boleh hadir di dalam muktamar tahunan tetapi ia tidak boleh bercakap atau mengundi.
- 11.3 Wakil-wakil WADAH Negeri hendaklah dipilih tiap-tiap tahun oleh WADAH Negeri masing-masing dan mereka boleh dipilih semula. Sesuatu WADAH Negeri berhak memilih lima (05) orang wakil bagi lima puluh (50) ahli yang pertama atau sebahagian daripada jumlah itu dan satu (01) wakil lagi bagi tiap-tiap lima puluh (50) ahli lebih daripada lima puluh (50) ahli yang pertama, dengan syarat jumlah wakil bagi sesuatu WADAH Negeri tidak lebih daripada sepuluh (10).
- 11.4 Wakil-wakil ahli hendaklah dipilih tiap-tiap tahun oleh ahli-ahli terus dan mereka boleh dipilih semula. Sepuluh (10) orang wakil bagi lima puluh (50) ahli yang pertama atau sebahagian daripada jumlah itu dan satu (01) wakil lagi bagi tiap-tiap lima puluh (50) ahli lebih

- daripada lima puluh (50) ahli yang pertama, dengan syarat jumlah wakil ahli tidak lebih daripada duapuluh (20).
- 11.5 Ahli JKP tidak boleh menjadi wakil WADAH Negeri atau wakil ahli-ahli. Ahli JKP dan wakil-wakil yang hadir berkuasa mengundi di dalam muktamar tahunan pusat.
- 11.6 Kuorum untuk muktamar tahunan pusat dianggap cukup jika wakil-wakil yang hadir, tidak kira jumlahnya berjumlah lebih daripada jumlah wakil bagi setengah (1/2) bilangan WADAH Negeri dan lebih daripada setengah (1/2) jumlah wakil ahli-ahli terus pertubuhan.
- 11.7 Jika kuorum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk muktamar tahunan pusat, maka muktamar tahunan pusat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh (tidak lebih daripada 30 hari) yang ditetapkan oleh JKP; dan jika kuorum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk muktamar tahunan pusat yang ditangguhkan itu, maka berkuasalah wakil-wakil yang hadir menjalankan muktamar tahunan pusat pada hari itu tetapi tidaklah berkuasa meminda undang-undang Pertubuhan dan membuat keputusan-keputusan mengenai semua ahli.
- 11.8 Muktamar tahunan pusat ahli-ahli adalah kuasa tertinggi WADAH dan pengelolaan WADAH hendaklah, tertakluk kepada Perlembagaan ini, berasaskan kepada kuasa dan ketetapan muktamar tahunan pusat.
- 11.9 Muktamar Tahunan Pusat hendaklah diadakan dengan secepat mungkin setelah berakhirnya setiap tahun kewangan tetapi tidak lewat daripada 1 Oktober pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh JKP.
- 11.10 Muktamar tahunan pusat hendaklah menjalankan urusan-urusan berikut:
- (a) Mengesahkan minit muktamar yang terdahulu dan mana-mana muktamar khas yang berselang;
 - (b) Menerima dan menimbang laporan-laporan JKP mengenai perjalanan WADAH bagi tahun sebelumnya;
 - (c) Menerima laporan Setiausaha Kewangan dan menimbang dan meluluskan akaun-akaun teraudit WADAH bagi tahun sebelumnya;
 - (d) Memilih anggota-anggota JKP dan dua orang Juruaudit untuk tahun yang akan datang; dan
 - (e) Membincang atau menimbang perkara-perkara lain yang dinyatakan dalam agenda yang dihantarkan oleh Setiausaha Agung bagi muktamar itu.
- 11.11 Notis bagi sesuatu Muktamar tahunan pusat hendaklah diberikan oleh Setiausaha Agung kepada tiap-tiap Setiausaha Negeri tidak lewat dari 60 hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk muktamar dan pengumuman ini hendaklah ditunjukkan supaya jelas kelihatan ditempat urusan pertubuhan yang telah didaftarkan. Tiap-tiap Setiausaha Negeri hendaklah mengadakan Muktamar Tahunan Negeri tidak lewat daripada 30 hari setelah menerima pengumuman awal itu.
- 11.12 Nama-nama wakil, pencalonan untuk pemilihan pegawai-pegawai dan cadangan untuk dibincangkan di dalam muktamar hendaklah dihantar oleh Setiausaha Negeri atau ahli-ahli secara individu supaya sampai kepada Setiausaha Agung tidak lewat daripada 40 hari selepas penerimaan pengumuman awal muktamar.
- 11.13 Setiausaha Agung, jika boleh, hendaklah mengadakan mesyuarat ahli-ahli terus tidak kurang daripada 30 hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk Muktamar Tahunan Pusat, untuk melantik wakil-wakil ahli dengan syarat jika keadaan tempat yang berjauhan tidak sesuai bagi mengadakan mesyuarat, maka cara melantik wakil-wakil ahli hendaklah diputuskan oleh JKP.

- 11.14 Setiausaha Agung hendaklah menghantar kepada Setiausaha Negeri sekurang-kurangnya 7 hari sebelum diadakan muktamar satu agenda termasuk salinan peringatan mesyuarat dan laporan, cadangan dan pencalonan untuk pemilihan pegawai-pegawai beserta dengan penyata kira-kira Wadah bagi tahun lalu yang telah diaudit. Salinan surat-surat ini hendaklah diberikan kepada tiap-tiap wakil cawangan dan wakil ahli dan salinan surat itu boleh diperolehi untuk dibaca oleh ahli-ahli di alamat tempat urusan pertubuhan atau di pejabat-pejabat negeri.
- 11.15 Setiap WADAH Negeri berhak menamakan tidak lebih daripada 10 orang ahli untuk menghadiri sebagai pemerhati-pemerhati sesuatu Muktamar Tahunan Pusat. Nama dan butiran ahli-ahli tersebut hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha Agung tidak lewat daripada seminggu sebelum Muktamar Tahunan Pusat diadakan. Pemerhati-pemerhati berhak hadir dan bercakap di muktamar yang berkenaan tetapi tidak berhak untuk mengundi. Dengan syarat JKP boleh, jika difikirkan patut atau wajar olehnya, menghadkan mana-mana prosiding dalam muktamar hanya kepada perwakilan-perwakilan sahaja.
- 11.16 Muktamar Khas
- 11.16.1 Suatu muktamar khas boleh diadakan –
- (a) Bila difikirkan mustahak oleh JKP; atau
 - (b) Atas permintaan dengan bertulis oleh dua atau lebih WADAH Negeri atau oleh tidak kurang daripada 20 ahli-ahli terus dengan menerangkan dengan jelas tujuan dan sebab muktamar khas itu mahu diadakan.
- 11.16.2 Muktamar khas yang direkuisisi oleh ahli-ahli di bawah Fasal 11.3.1(b) hendaklah diadakan dalam tempoh 30 hari daripada tarikh rekuisisi itu diterima oleh Setiausaha Agung
- 11.16.2 Pengumuman dan agenda untuk muktamar khas hendaklah diedarkan oleh Setiausaha Agung kepada semua Setiausaha Negeri sekurang-kurangnya 15 hari sebelum tarikh muktamar khas akan diadakan.
- 11.16.3 Tiada apa-apa urusan boleh dijalankan di suatu muktamar khas selain daripada urusan yang dinyatakan dalam notis itu. Satu salinan notis itu hendaklah dipamerkan di alamat tempat urusan WADAH untuk dibaca oleh ahli-ahli.
- 11.16.4 Fasal 11.6 dan Fasal 11.7 di dalam undang-undang ini berkenaan kuorum dan penangguhan Muktamar Tahunan Pusat boleh digunakan untuk Muktamar Khas Pusat, tetapi dengan syarat jika kuorum tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi Muktamar Khas Pusat itu atas permintaan WADAH Negeri, maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan, dan sekurang-kurangnya 6 bulan daripada tarikh ini Muktamar Khas Pusat yang dipohon dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.
- 11.16.5 Setiausaha Agung hendaklah menghantar kepada semua Setiausaha Negeri salinan rangka peringatan tiap-tiap Muktamar Tahunan atau Muktamar Khas dengan seberapa segera setelah selesainya muktamar itu.

FASAL 12 - STRUKTUR PERTUBUHAN

- 12.1 Struktur organisasi dan pembahagian kuasa dalam WADAH adalah seperti berikut :
- 12.1.1 Muktamar Tahunan Pusat Ahli-ahli WADAH
 - 12.1.2 Jawatankuasa Kerja Pusat (JKP)

12.1.3 Jawatankuasa Kerja Negeri (JKN)

FASAL 13 - JAWATANKUASA KERJA PUSAT (JKP)

13.1 Komposisi JKP

WADAH hendaklah dikelolakan oleh suatu Jawatankuasa Kerja Pusat (JKP) yang hendaklah terdiri tidak lebih daripada daripada 15 orang ahli-ahli jawatankuasa, iaitu :

13.1.1 Seorang Presiden

13.1.2 Seorang Timbalan Presiden

13.1.3 Tidak lebih daripada 4 orang Naib Presiden

13.1.4 Setiausaha Agung

13.1.5 Penolong Setiausaha Agung

13.1.6 Setiausaha Kewangan

13.1.7 Tidak kurang daripada 3 orang dan tidak lebih daripada 10 orang Ahli Jawatankuasa Biasa.

Bagi maksud Akta, anggota-anggota JKP adalah merupakan pegawai-pegawai pertubuhan.

13.2 Pemilihan

13.2.1 Anggota-anggota JKP hendaklah dipilih di Muktamar Tahunan setiap tiga (03) tahun sekali.

13.2.2 Kecuali bagi Muktamar tahunan pusat kali yang pertama, hanya calon-calon yang dinamakan oleh Majlis Perundingan boleh dikemukakan di Muktamar Tahunan untuk dipilih bagi memegang jawatan Presiden, Timbalan Presiden, Setiausaha Agung, Penolong Setiausaha Agung dan Setiausaha Kewangan.

13.2.3 Ahli-ahli yang dicadangkan untuk menganggotai JKP hendaklah disokong oleh sekurang-kurangnya seorang ahli yang hadir di dalam muktamar yang berkenaan.

13.2.4 Pemilihan anggota-anggota JKP hendaklah dijalankan dengan cara mengundi oleh ahli-ahli yang hadir.

13.2.5 Semua Anggota JKP yang akan tamat tempoh perlantikannya, boleh dilantik semula oleh muktamar.

13.3 Warganegara Pegawai

Setiap anggota JKP dan pegawai lain yang menjalankan tugas-tugas eksekutif dalam WADAH hendaklah terdiri daripada warganegara Malaysia.

13.4 Kedudukan dan Fungsi JKP

JKP adalah badan eksekutif tertinggi dalam WADAH dan adalah bertanggungjawab untuk memastikan pentadbiran dan pengurusan WADAH dikendalikan dengan teratur. Fungsi dan kuasa JKP hendaklah termasuk perkara-perkara berikut :

13.4.1 merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti bagi mencapai matlamat dan tujuan-tujuan WADAH;

13.4.2 mengelola dan mentadbir hal ehwal serta urusan harian WADAH;

13.4.3 membuat keputusan mengenai semua perkara berkaitan dengan perjalanan WADAH mengikut Perlembagaan ini dan apa-apa dasar am yang telah ditetapkan oleh Muktamar;

- 13.4.4 melaksanakan keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh Muktamar;
- 13.4.5 tertakluk kepada Perlembagaan ini, membuat apa-apa peraturan atau mengeluarkan apa-apa arahan atau panduan yang difikirkannya perlu atau suaimanfaat bagi memastikan keberkesanan pentadbiran dan operasi WADAH.
- 13.4.6 menjalankan, menunaikan dan melaksanakan apa-apa kuasa, kewajipan dan fungsi yang diberikan dan diletakkan ke atasnya di bawah Perlembagaan ini.
- 13.5 Mesyuarat JKP
- JKP hendaklah mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam 3 bulan. Semua usul, cadangan, keputusan atau perkara-perkara lain hendaklah diputuskan dengan majoriti mudah anggota-anggota JKP yang hadir. Jika undi sama banyak, maka Presiden hendaklah mempunyai undi pemutus.
- 13.6 Kuorum
- Kuorum bagi mesyuarat JKP ialah setengah ($\frac{1}{2}$) daripada bilangan anggota-anggotanya. Tiada apa-apa perkara boleh diputuskan dalam mana-mana mesyuarat JKP melainkan kuorumnya mencukupi.
- 13.7 Notis Mesyuarat
- Notis bersama-sama dengan agenda mesyuarat hendaklah diberikan kepada anggota-anggota JKP sekurang-kurangnya 7 hari sebelum mesyuarat diadakan Dengan Syarat suatu notis mesyuarat yang singkat boleh diberikan jika dipersetujui oleh semua anggota JKP. Presiden atau, tidak kurang daripada 3 orang anggota JKP, boleh pada bila-bila masa, memanggil supaya diadakan mesyuarat JKP.
- 13.8 Resolusi Pekeliling
- Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan suatu resolusi atau kelulusan JKP dan mesyuarat JKP tidak dapat diadakan atas apa-apa sebab, maka Setiausaha Agung bolehlah, setelah mendapatkan persetujuan Presiden atau ketika ketiadaannya, Timbalan Presiden, mengedarkan resolusi-resolusi atau kelulusan-kelulusan mengenai perkara itu melalui surat pekeliling kepada setiap anggota JKP bagi mendapatkan persetujuan atau bantahan mereka tertakluk kepada syarat-syarat berikut :
- 13.8.1 Perkara yang dibangkitkan itu hendaklah dibutirkan dengan terang di dalam surat pekeliling yang diedarkan kepada tiap-tiap anggota JKP;
- 13.8.2 Sesuatu resolusi atau keputusan hanya dianggap telah diluluskan atau ditolak oleh JKP jika lebih daripada setengah ($\frac{1}{2}$) bilangan anggota JKP menyatakan, mengikut mana-mana yang berkenaan, persetujuan atau bantahan mereka terhadap perkara itu.
- 13.8.3 Keputusan hendaklah dengan undi yang terbanyak. Sebarang keputusan yang didapati melalui surat pekeliling hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha Agung kepada mesyuarat JKP berikutnya untuk diambil ingatan dan dicatatkan di dalam minit mesyuarat.
- 13.9 Perlucutan Jawatan
- Seseorang anggota JKP akan lucut jawatannya dengan serta merta jika dia tidak hadir di dalam mesyuarat JKP 3 kali berturut-turut tanpa alasan yang boleh diterima oleh JKP. Anggota JKP yang terlucut jawatannya di bawah Fasal ini hendaklah diberitahu dengan segera secara bertulis.
- 13.10 Kekosongan Jawatan
- Jika seorang anggota JKP meninggal dunia, menjadi tak upaya melebihi tempoh 6 bulan, meletakkan jawatan atau lucut jawatannya di bawah Fasal 13.9, calon yang kedua

mendapat undi terbanyak di dalam pemilihan yang lalu hendaklah dipanggil untuk memenuhi kekosongan itu. Jika calon itu tidak ada atau menolak jawatan itu, JKP bolehlah melantik ahli yang lain bagi memenuhi kekosongan itu sehingga Muktamar Tahunan diadakan.

13.11 Pelaksanakan Tanggungjawab JKP

Bagi melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawabnya di bawah Perlembagaan ini, JKP boleh, dari semasa ke semasa -

13.11.1 memberi arahan kepada Setiausaha Agung dan pegawai-pegawai lain untuk menjalankan atau mengendalikan apa-apa urusan WADAH;

13.11.2 jika difikirkan perlu oleh JKP, melantik pegawai-pegawai eksekutif atau kakitangan-kakitangan lain yang bergaji tetap bagi mengendalikan urusan harian WADAH atau apa-apa urusan lain yang berkaitan dengan operasi atau aktiviti WADAH.

13.11.3 Setiausaha Agung, jika diberikan kuasa sedemikian oleh JKP, boleh menggantung atau melucutkan jawatan mana-mana pegawai atau kakitangan yang telah dilantik di bawah Fasal 13.11.2 atas sebab kecuaiian, kecurangan, ketidakcekapan, keingkaran, salah laku atau atas apa-apa sebab lain yang boleh, pada pendapat JKP, merosakkan kepentingan atau reputasi WADAH.

13.12 Kuasa Menubuhkan Jawatankuasa Kecil/Khas/Biro

JKP boleh, pada bila-bila masa jika difikirkannya perlu, menubuhkan apa-apa jawatankuasa kecil, jawatankuasa khas atau biro untuk menjalankan apa-apa fungsi atau aktiviti WADAH dan memberi apa-apa kuasa yang perlu kepada jawatankuasa itu dari semasa ke semasa mengikut keputusan JKP.

FASAL 14 - KEWAJIPAN ANGGOTA JKP

14.1 Presiden

Presiden hendaklah menjalankan kewajipan-kewajipan berikut:

14.1.1 Menjadi pemimpin utama dan bertanggungjawab menjaga kesempurnaan perjalanan WADAH.

14.1.2 Menyampaikan Ucapan Dasar bagi pihak JKP untuk disahkan di Muktamar Tahunan.

14.1.3 Menjadi pengerusi bagi semua mesyuarat JKP dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan mesyuarat-mesyuarat itu.

14.1.4 Memanggil sendiri atau, melalui Setiausaha Agung, mesyuarat-mesyuarat JKP.

14.1.5 Menandatangani minit-minit mesyuarat yang telah disahkan oleh JKP.

14.2 Timbalan Presiden

Timbalan Presiden hendaklah menjalankan kewajipan-kewajipan berikut:

14.2.1 Membantu Presiden dalam menjalankan tugas-tugasnya.

14.2.2 Memangku jawatan Presiden semasa ketiadaannya.

14.2.3 Mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat JKP semasa ketiadaan Presiden.

14.3 Naib Presiden

Setiap Naib-Presiden hendaklah menjalankan kewajipan-kewajipan berikut:

- 14.3.1 Membantu Presiden dan Timbalan Presiden dalam menjalankan tugas-tugas mereka.
- 14.3.2 Jika diarahkan oleh Presiden, memangku jawatan Timbalan Presiden semasa ketiadaannya.
- 14.3.3 Menjalankan apa-apa tugas atau fungsi khusus yang diputuskan oleh Presiden dari semasa ke semasa setelah bermusyawarah dengan ahli-ahli JKP.

14.4 Setiausaha Agung

Setiausaha Agung hendaklah menjalankan kewajipan-kewajipan berikut:

- 14.4.1 Menyelia pentadbiran dan hal ehwal WADAH termasuk pegawai-pegawai serta kakitangan-kakitangan yang dilantik di bawah Fasal 13.11.2 dan hendaklah melaksanakan arahan-arahan JKP.
- 14.4.2 Bertanggungjawab mengendalikan urusan surat menyurat dan menyimpan semua minit mesyuarat JKP, buku, surat dan kertas kecuali akaun dan buku-buku kewangan.
- 14.4.3 Menyimpan dan menyenggara buku daftar ahli yang mengandungi butir-butir seperti nama, tempat dan tarikh lahir, nombor kad pengenalan, pekerjaan, nama dan alamat majikan dan alamat rumah tiap-tiap ahli serta memberikan maklumat-maklumat ahli yang berkenaan kepada Setiausaha-setiausaha Negeri.
- 14.4.4 Merekodkan dan meminitkan perjalanan dan keputusan semua mesyuarat JKP untuk disahkan oleh Presiden.
- 14.4.5 Dalam masa 60 hari dari tarikh Muktamar Tahunan diadakan, mengirimitkan laporan tahunan WADAH kepada Pendaftar Pertubuhan sebagaimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 14 (1) Akta.
- 14.4.6 Menjalankan apa-apa tugas lain yang dipertanggungjawabkan ke atasnya oleh Perlembagaan ini atau ditentukan oleh JKP dari semasa ke semasa.

14.5 Penolong Setiausaha Agung

Penolong Setiausaha Agung hendaklah menjalankan kewajipan-kewajipan berikut:

- 14.5.1 Membantu Setiausaha Agung dalam menjalankan tugas-tugasnya.
- 14.5.2 Semasa ketiadaan Setiausaha Agung, memangku jawatannya.

14.6 Setiausaha Kewangan

Setiausaha Kewangan hendaklah menjalankan kewajipan-kewajipan berikut:

- 14.6.1 Bertanggungjawab ke atas semua hal kewangan WADAH.
- 14.6.2 Menyenggara dan menyimpan akaun-akaun WADAH dan menyediakan semua perkara yang berkaitan dengannya dan mengemaskini akaun-akaun itu supaya dapat diperiksa oleh anggota-anggota JKP.
- 14.6.3 Memastikan supaya akaun-akaun WADAH bagi setiap tahun kewangan disediakan untuk diaudit oleh Pemeriksa Kira-Kira dan dibentangkan dalam mesyuarat JKP dan Muktamar Tahunan.

- 14.6.4 Menjalankan apa-apa usaha atau kegiatan yang dibenarkan oleh undang-undang negara bagi menambah kewangan WADAH.
 - 14.7 Ahli Jawatankuasa Biasa
- Ahli-ahli jawatankuasa biasa JKP hendaklah menjalankan kewajipan-kewajipan berikut:
- 14.7.1 Membantu JKP dalam menjalankan tugas yang diarahkan oleh JKP dari semasa ke semasa.
 - 14.7.2 Menjalankan apa-apa tugas yang ditentukan oleh JKP dari semasa ke semasa.

FASAL 15 – MAJLIS PERUNDINGAN

- 15.1 Suatu majlis yang dikenali sebagai Majlis Perundingan hendaklah ditubuhkan dengan komposisi keanggotaannya seperti berikut:
 - 15.1.1 Seorang Pengerusi Majlis
 - 15.1.2 Seorang Timbalan Pengerusi Majlis
 - 15.1.3 Seorang Setiausaha Majlis; dan
 - 15.1.4 Tidak kurang daripada 7 orang dan tidak lebih daripada 27 orang Ahli-ahli Biasa Majlis Perundingan yang terdiri daripada –
 - (a) Tiga orang ahli *ex-officio* iaitu Presiden, Timbalan Presiden dan Setiausaha Agung; dan
 - (b) Ahli-ahli yang dilantik di bawah Fasal 15.2 atau 15.3, mengikut mana-mana yang berkenaan.
- 15.2 Ahli-ahli Majlis Perundingan yang pertama hendaklah dilantik oleh JKP selepas sahaja Muktamar Tahunan pertamanya diadakan.
- 15.3 Ahli-ahli Majlis Perundingan seterusnya hendaklah dilantik melalui musyawarah bersama antara ahli-ahli Majlis yang sedia ada dengan JKP.
- 15.4 Ahli Majlis Perundingan hanya boleh dilantik dari kalangan ahli-ahli WADAH.
- 15.5 Tempoh lantikan ahli Majlis Perundingan adalah selama empat (04) tahun.

FASAL 16 – KEWAJIPAN MAJLIS PERUNDINGAN

- 16.1 Fungsi dan tanggungjawab Majlis Perundingan adalah seperti berikut:
 - 16.1.1 Menjadi sumber rujukan dan nasihat bagi JKP.
 - 16.1.2 Memberi panduan atau nasihat atau membuat apa-apa syor kepada JKP mengenai perkara-perkara yang berhubung dengan arah haluan dan dasar WADAH.
 - 16.1.3 Melalui pertimbangan bersama di antara ahli-ahli Majlis Perundingan dan JKP, menamakan ahli-ahli untuk dipilih di Muktamar Tahunan bagi memegang jawatan-jawatan Presiden, Timbalan Presiden, Setiausaha Agung dan Setiausaha Kewangan untuk sesi baru.
 - 16.1.4 Memberi apa-apa bantuan yang difikirkan patut kepada JKP dalam menjayakan cita-cita dan matlamat WADAH.

- 16.2 Bagi memastikan supaya Majlis Perundingan dapat menjalankan fungsi-fungsinya dengan berkesan, JKP hendaklah memberikan apa-apa kerjasama serta sokongan yang patut kepada Majlis Perundingan serta mengadakan kemudahan-kemudahan yang perlu bagi kegunaan ahli-ahli Majlis.
- 16.3 Majlis hendaklah menentukan prosedurnya sendiri.

FASAL 17 - PENUBUHAN DAN PEMBUBARAN WADAH NEGERI

17.1 Penubuhan dan Pembubaran Wadah Negeri

- 17.1.1 JKP boleh membenarkan penubuhan WADAH Negeri di tiap-tiap negeri dan wilayah persekutuan jika jumlah ahli yang menetap di negeri atau wilayah itu telah melebihi 30 orang. Penubuhan WADAH Negeri ini hendaklah dibenarkan secara bertulis oleh Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.
- 17.1.2 JKP boleh membubarkan mana-mana WADAH Negeri (termasuklah apa-apa jawatankuasa yang ditubuhkannya di bawah Perlembagaan ini):
 - a. Jika bilangan ahli-ahli di dalam tempoh enam bulan berturut-turut kurang daripada 20 orang; atau
 - b. Jika WADAH Negeri tidak mematuhi undang-undang pertubuhan atau keputusan Muktamar Perwakilan Tahunan atau JKP atau jika JKP mendapatinya bersalah kerana perbuatannya mencemarkan WADAH..
- 17.1.3 Keputusan membubarkan WADAH Negeri hendaklah dengan undi terbanyak di dalam Mesyuarat JKP, dengan syarat sebelum diambil keputusan membubarkan WADAH Negeri atas sebab yang disebutkan di dalam Fasal 17.1.2.(b) di atas, WADAH Negeri yang berkenaan hendaklah diberi suatu notis selama 30 hari terlebih dahulu dan diberi peluang untuk menjawab tuduhan-tuduhan tersebut.
- 17.1.4 Perintah pembubaran hendaklah ditandatangani oleh Setiausaha Agung. WADAH Negeri tidak boleh bergerak mulai dari tarikh penerimaan perintah tersebut kecuali untuk urusan penyelesaian. Sebarang WADAH Negeri yang musykil atas perintah pembubaran boleh, dengan kenyataan bertulis kepada Setiausaha Agung di dalam tempoh 30 hari daripada tarikh penerimaan perintah tersebut, membuat rayuan kepada Muktamar Tahunan. Walaupun rayuan telah dibuat namun perintah pembubaran masih berkuatkuasa sehingga dibatalkan tetapi di dalam keadaan yang sedemikian Jawatankuasa Pusat boleh melantik satu jawatankuasa penjaga daripada ahli-ahli untuk menguruskan halehwal WADAH Negeri itu sementara rayuan tersebut dipertimbangkan.
- 17.1.5 Jika sesuatu WADAH Negeri ditutup kerana sebab yang disebutkan dalam fasal 17.1.2.(a) di atas, maka JKP hendaklah memindahkan ahli-ahli yang ada kepada WADAH Negeri yang hampir sekali, dan jika WADAH Negeri ditutup kerana sebab di dalam peraturan 17.1.2 (b) di atas maka ahli-ahli akan terhenti menjadi ahli WADAH.
- 17.1.6 Adalah menjadi kewajipan Yang Dipertua, Setiausaha dan Bendahari bagi WADAH Negeri itu menyerahkan kepada Setiausaha Agung segala buku, rekod, wang dan harta-harta lainnya yang dimiliki oleh WADAH Negeri berserta dengan penyata kira-kira cawangan itu daripada tarikh akhir pengemukaan penyata kira-kira itu dibentangkan sehingga tarikh perintah pembubaran.

17.1.7 Jika ahli sesuatu WADAH Negeri memutuskan hendak keluar daripada WADAH, maka pegawai-pegawai WADAH Negeri itu dengan serta merta mestilah menyerahkan kepada Setiausaha Agung segala buku, rekod, wang dan harta-harta lain WADAH dan seterusnya menyedia dan menyerahkan penyata kira-kira kepada Setiausaha Agung seperti di dalam Fasal 17.1.6 di atas.

17.2 Komposisi, Pemilihan dan Perlantikan Anggota JKN

17.2.1 JKN hendaklah dianggotai oleh tidak lebih daripada 14 orang anggota yang dipilih setiap dua (02) tahun sekali di dalam Mukhtamar Tahunan Negeri . Komposisi JKN adalah seperti berikut:

- (a) Seorang Pengerusi
- (b) Seorang Timbalan Pengerusi
- (c) Seorang Setiausaha Negeri
- (d) Seorang Penolong Setiausaha Negeri
- (e) Seorang Bendahari; dan
- (f) Tidak lebih daripada Sembilan (9) orang Ahli Jawatankuasa Biasa

Bagi maksud Akta, anggota-anggota JKN adalah merupakan pegawai-pegawai pertubuhan untuk WADAH Negeri.

17.2.2 Hanya ahli-ahli yang dicadangkan oleh JKP boleh dipilih untuk memegang jawatan-jawatan Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha Negeri, Penolong Setiausaha Negeri dan Bendahari. Ahli-ahli yang dicalonkan untuk dipilih sebagai ahli-ahli biasa JKN bolehlah dicadangkan oleh mana-mana ahli di Mukhtamar Tahunan Negeri yang berkenaan.

17.2.3 Ahli-ahli yang dicalonkan untuk dipilih bagi menganggotai JKN hendaklah disokong oleh sekurang-kurangnya seorang ahli yang hadir di dalam mukhtamar yang berkenaan.

17.2.4 Pemilihan anggota JKN hendaklah dijalankan dengan cara mengundi oleh ahli-ahli yang hadir. Semua anggota JKN yang akan tamat tempoh perlintikannya, boleh dipilih semula oleh mukhtamar.

17.2.5 Pengerusi Mukhtamar Tahunan Negeri hendaklah menyerahkan kepada Setiausaha Agung keputusan pemilihan anggota-anggota JKN sebaik sahaja mukhtamar itu tamat. Penyerahan keputusan pemilihan anggota-anggota JKN hendaklah dibuat mengikut apa-apa arahan atau prosedur yang ditetapkan oleh JKP dari semasa ke semasa.

17.3 Fungsi dan Tanggungjawab JKN

JKN adalah bertanggungjawab untuk memastikan pentadbiran dan pengurusan WADAH Negeri dikendalikan dengan teratur. Fungsi JKN hendaklah termasuk perkara-perkara berikut :

17.3.1 merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti bagi mencapai matlamat dan tujuan-tujuan WADAH diperingkat negeri atau wilayah;

17.3.2 mengelola dan mentadbir hal ehwal serta urusan harian WADAH di negeri atau wilayah berkenaan;

17.3.3 membuat keputusan mengenai semua perkara berkaitan dengan perjalanan WADAH di negeri atau wilayah berkenaan mengikut Perlembagaan ini dan apa-apa dasar am yang telah ditetapkan oleh JKP;

- 17.3.4 melaksanakan arahan-arahan dan keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh JKP dan Muktamar Tahunan Negeri;
- 17.3.5 menyediakan dan mengemukakan laporan tahunan mengenai aktiviti-aktivitinya pada setiap Muktamar Tahunan di peringkat pusat dan negeri atau wilayah. Setiap laporan tahunan hendaklah dikemukakan dalam format, dan mengandungi maklumat, yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh JKP.

JKN boleh, dengan kelulusan JKP, melantik pegawai-pegawai atau kakitangan-kakitangan bagi mengendalikan urusan harian atau apa-apa aktiviti di negeri atau wilayah berkenaan. Setiap pegawai atau kakitangan yang menjalankan apa-apa tugas eksekutif hendaklah terdiri daripada warganegara Malaysia.

.17.4 Mesyuarat JKN

- 17.4.1 JKN hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setiap dua (02) bulan. Notis bersama-sama dengan agenda mesyuarat hendaklah diberikan kepada anggota-anggota JKN sekurang-kurangnya 7 hari sebelum mesyuarat diadakan Dengan Syarat suatu notis mesyuarat yang singkat boleh diberikan jika dipersetujui oleh semua anggota JKN.
- 17.4.2 Pengerusi atau, tidak kurang daripada 3 orang anggota JKN, boleh pada bila-bila masa, memanggil supaya diadakan mesyuarat JKN.
- 17.4.3 Peruntukan-peruntukan Fasal 13.6 mengenai kuorum hendaklah terpakai kepada JKN *mutatis mutandis*.

17.5 Resolusi Pekeliling

Peruntukan-peruntukan Fasal 13.8 hendaklah terpakai kepada JKN *mutatis mutandis*.

17.6 Perlucutan dan Kekosongan Jawatan

Peruntukan-peruntukan Fasal 13.9 and Fasal 13.10 hendaklah terpakai kepada JKN *mutatis mutandis*.

17.7 Jawatankuasa Kecil/Khas/Biro

Peruntukan-peruntukan Fasal 13.12 hendaklah terpakai kepada JKN *mutatis mutandis*.

17.8 Muktamar Tahunan Negeri

- 17.8.1 Muktamar Tahunan Negeri akan diadakan tidak lewat daripada 30 hari selepas menerima pemberitahu awal mengenai Muktamar Tahunan Pusat, supaya pemberitahu mengenai masa, tarikh dan tempat Muktamar Tahunan Negeri akan dikeluarkan dengan sewajarnya.

17.8.2 Kerja-kerja Muktamar Tahunan Negeri ialah untuk :

- (a) Menerima laporan Bendahari WADAH Negeri dan Kira-kira WADAH Negeri yang telah diaudit bagi tahun lepas.
- (b) Memilih wakil-wakil ke Muktamar Tahunan Pusat yang akan datang.
- (c) Memilih anggota JKN dan Juruaudit.
- (d) Membincangkan perkara-perkara lain yang akan dibentangkan.

- 17.8.3 Setiausaha WADAH Negeri hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk Muktamar Tahunan Negeri pemberitahu awal yang menyatakan tarikh, waktu dan tempat mesyuarat, panggilan mengemukakan cadangan untuk perbincangan dan pencalonan untuk pemilihan JKN.

- 17.8.4 Pencalonan untuk pemilihan pegawai-pegawai dan cadangan untuk perbincangan di dalam mesyuarat tersebut hendaklah disampaikan kepada Setiausaha WADAH Negeri tidak lewat daripada 7 hari selepas penerimaan pemberitahu awal muktamar.
- 17.8.5 Setiausaha WADAH Negeri hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli sekurang-kurangnya 7 hari sebelum diadakan Muktamar Tahunan Negeri, satu agenda (acara muktamar) termasuk salinan peringatan mesyuarat dan laporan beserta dengan dengan penyata kira-kira WADAH Negeri bagi tahun lalu yang telah di audit. Salinan surat-surat ini juga boleh diperolehi untuk dibaca oleh ahli-ahli di alamat tempat urusan WADAH Negeri.
- 17.8.6 Sekurang-kurangnya satu perdua (1/2) daripada jumlah ahli-ahli WADAH Negeri berhak mengundi atau dua kali ganda jumlah anggota JKN, mengikut mana yang kurang, hendaklah hadir di dalam Muktamar Tahunan Negeri bagi mengesahkan perjalanan muktamar dan mencukupi kuorum untuk muktamar.
- 17.8.7 Jika kuorum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk muktamar tahunan pusat, maka muktamar tahunan pusat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh (tidak lebih daripada 07 hari) yang ditetapkan oleh JKN; dan jika kuorum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk muktamar yang ditangguhkan itu, maka ahli-ahli berkuasa menjalankan muktamar tetapi tidaklah berkuasa membuat keputusan-keputusan yang melibatkan semua ahli.
- 17.9 Muktamar Khas Negeri
- 17.9.1 Suatu Muktamar Khas Negeri hendaklah diadakan:
- (a) Atas arahan JKP; atau
 - (b) Apabila JKN memikirkannya mustahak;
 - (c) Atas permintaan bertulis tidak kurang daripada 30 ahli-ahli WADAH Negeri dengan menyatakan secara jelas tujuan dan sebab muktamar khas itu mahu diadakan.
- 17.9.2 Muktamar Khas Negeri yang direkuisisi oleh ahli-ahli di bawah hendaklah diadakan dalam tempoh 15 hari daripada tarikh rekuisisi itu diterima oleh Setiausaha WADAH Negeri. Tiada apa-apa urusan boleh dijalankan di suatu muktamar khas selain daripada urusan yang dinyatakan dalam notis itu.
- 17.9.3 Fasal 11.6 dan Fasal 11.7 di dalam undang-undang ini berkenaan kuorum dan penangguhan Muktamar Tahunan Negeri boleh digunakan untuk Muktamar Khas Negeri, tetapi dengan syarat jika kuorum tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi Muktamar Khas Negeri itu atas permintaan ahli-ahli tersebut, maka muktamar itu hendaklah dibatalkan, dan dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh ini Muktamar Khas Negeri atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.
- 17.9.4 Setiausaha WADAH Negeri hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli dan Setiausaha Agung satu salinan rangka peringatan tiap-tiap Muktamar Tahunan Negeri dengan secepat secepat setelah selesai muktamar itu.
- 17.9.5 Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini, JKP boleh dari semasa ke semasa membuat apa-apa peraturan serta mengeluarkan apa-apa arahan atau panduan kepada JKN mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Muktamar Tahunan Negeri dan Muktamar Khas Negeri.

FASAL 18 - KEWAJIPAN ANGGOTA JKN**18.1 Pengerusi**

Pengerusi hendaklah menjalankan kewajipan-kewajipan berikut:

- 18.1.1 Menjadi pemimpin utama diperingkat negeri dan bertanggungjawab menjaga kesempurnaan perjalanan WADAH di negeri berkenaan;
- 18.1.2 Menjadi pengerusi bagi semua mesyuarat JKN dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan mesyuarat-mesyuarat itu.
- 18.1.3 Memanggil sendiri atau, melalui Setiausaha Negeri, mesyuarat-mesyuarat JKN.
- 18.1.4 Menandatangani minit-minit mesyuarat yang telah disahkan oleh JKN.
- 18.1.5 Memastikan supaya setiap arahan, ketetapan dan keputusan JKP dilaksanakan atau dipatuhi.

18.2 Timbalan Pengerusi

Timbalan Pengerusi hendaklah menjalankan kewajipan-kewajipan berikut:

- 18.2.1 Membantu Pengerusi dalam menjalankan tugas-tugasnya.
- 18.2.2 Mmpengerusikan mesyuarat-mesyuarat JKN semasa ketiadaan Pengerusi.

18.3 Setiausaha Negeri

Setiausaha Negeri hendaklah menjalankan kewajipan-kewajipan berikut:

- 18.3.1 Memanggil mesyuarat JKN dan merekodkan serta meminitkan perjalanan dan keputusan semua mesyuarat JKN untuk disahkan oleh Pengerusi.
- 18.3.2 Bertanggungjawab mengendalikan urusan surat menyurat dan menyimpan semua minit mesyuarat JKN, buku, surat dan kertas kecuali akaun dan buku-buku kewangan.
- 18.3.3 Menyimpan dan menyenggara buku daftar ahli bagi negerinya dan membantu Setiausaha Agung mengemasikini maklumat-maklumat ahli.
- 18.3.4 Dalam masa 30 hari dari tarikh Muktamar Tahunan Negeri diadakan, mengirimkan kepada Setiausaha Agung laporan dan maklumat yang kena dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan sebagaimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 14 (1) Akta dan seterusnya mengemukakan laporan dan maklumat itu kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 60 hari dari tarikh Muktamar Tahunan Negeri diadakan.
- 18.3.5 Menjalankan apa-apa tugas lain yang dipertanggungjawabkan ke atasnya oleh Perlembagaan ini atau ditentukan oleh JKN dari semasa ke semasa.

18.4 Penolong Setiausaha Negeri

Penolong Setiausaha Negeri hendaklah menjalankan kewajipan-kewajipan berikut:

- 18.4.1 Membantu Setiausaha Agung dalam menjalankan tugas-tugasnya.
- 18.4.2 Memangku jawatan itu semasa ketiadaan Setiausaha Agung.

18.5 Bendahari

Bendahari hendaklah menjalankan kewajipan-kewajipan berikut:

- 18.5.1 Menyenggara dan menyimpan akaun-akaun WADAH di negeri yang berkenaan dan mengemaskini akaun-akaun itu supaya dapat diperiksa oleh anggota-anggota JKN.
 - 18.5.2 Memastikan supaya akaun-akaun WADAH bagi setiap tahun kewangan disediakan untuk diaudit oleh Pemeriksa Kira-Kira.
 - 18.5.3 Membentangkan akaun yang telah diaudit dalam mesyuarat JKN dan Muktamar Tahunan Negeri dan mengemukakan sesalinan akaun itu kepada Setiausaha Kewangan.
 - 18.5.4 Menjalankan tugas-tugas lain yang berkaitan dengan kewangan yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh JKN.
- 18.6 Ahli Biasa Jawatankuasa Kerja Negeri
- Ahli-ahli biasa JKN hendaklah menjalankan kewajipan-kewajipan berikut:
- 18.6.1 Membantu JKN dalam menjalankan tugas yang diarahkan olehnya dari semasa ke semasa.
 - 18.6.2 Menjalankan apa-apa tugas yang ditentukan oleh JKN dari semasa ke semasa.

FASAL 19 - KEWANGAN

- 19.1 Pembukaan Akaun Bank dan Perbelanjaan
- 19.1.1 JKP dan JKN boleh, pada bila-bila masa, membuka apa-apa akaun di mana-mana bank atau syarikat kewangan berlesen sepertimana yang diluluskan oleh mesyuaratnya masing-masing.
 - 19.1.2 Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan berikut dalam Perlembagaan ini, wang WADAH boleh digunakan untuk perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan WADAH, termasuklah belanja pentadbiran, bayaran gaji atau saraan, biayaan dan perbelanjaan pegawai dan kakitangan yang bergaji serta upah memeriksa kira-kira. Walau bagaimanapun, wang itu tidaklah boleh digunakan untuk membayar denda ahli yang telah dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah.
 - 19.1.3 JKN hendaklah mematuhi apa-apa peraturan, panduan atau arahan yang dibuat oleh JKP dari semasa ke semasa berkaitan dengan pembukaan, operasi serta penyenggaraan akaun-akaun oleh JKN.
- 19.2 Wang Runcit
- Setiausaha Kewangan dan Bendahari dibenarkan menyimpan wang runcit tidak lebih daripada RM1,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ribu sahaja) pada sesuatu masa. Wang yang lebih daripada jumlah itu hendaklah dimasukkan dalam tempoh tujuh hari ke dalam akaun bank yang telah dibuka di bawah Fasal 19.1.1.
- 19.3 Tandatangan
- Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang dari akaun WADAH hendaklah ditandatangani bersama seperti berikut:
- 19.3.1 di peringkat JKP oleh mana-mana dua iaitu Setiausaha Kewangan dan Presiden (atau timbalan presiden, semasa ketiadaan presiden) ATAU Setiausaha Agung.
 - 19.3.2 di peringkat JKN, oleh mana-mana dua iaitu Bendahari dan Pengerusi (atau Timbalan Pengerusi, semasa ketiadaan Pengerusi) ATAU Setiausaha.
- 19.4 Had Perbelanjaan

- 19.4.1 Perbelanjaan yang lebih dari RM100,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu sahaja) bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar jika tidak diluluskan terlebih dahulu oleh JKP atau JKN, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan perbelanjaan yang lebih daripada RM3000,000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Juta sahaja) bagi sesuatu masa tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran muktamar (sama ada tahunan atau khas) terlebih dahulu.
- 19.4.2 Perbelanjaan yang tidak melebihi daripada RM100,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu sahaja) bagi sesuatu masa yang diluluskan oleh Presiden (atau Timbalan Presiden, semasa ketiadaan Presiden) Bersama-sama Setiausaha Agung dan Setiausaha Kewangan bagi JKP dan Pengerusi (atau Timbalan Pengerusi, semasa ketiadaan Pengerusi) Bersama-sama Setiausaha dan Bendahari bagi JKN.
- 19.5 Penyata Akaun
- Penyata mengenai wang yang diterima dan dibelanjakan serta kunci kira-kira bagi setahun hendaklah –
- 1.1.1 disediakan oleh Setiausaha Kewangan atau Bendahari, mengikut mana-mana yang berkenaan,;
- 1.1.2 diperiksa oleh Juruaudit dengan seberapa segera setelah diaudit; dan
- 1.1.3 dibentangkan untuk di luluskan oleh muktamar tahunan yang menyusulinya dan salinannya hendaklah diletakkan di alamat tempat urusan Pertubuhan dan di pejabat JKN untuk diperiksa oleh ahli.
- 19.6 Tahun Kewangan
- Tahun kewangan WADAH bermula dari 1hb Julai dan berakhir pada 30hb Jun tiap-tiap tahun.
- 19.6.1 Semua wang yang dikutip di WADAH Pusat dan WADAH Negeri akan menajdi aset bersama WADAH.
- 19.6.2 Muktamar Tahunan Pusat akan menentukan dari masa ke semasa peratusan kadar yuran yang akan di simpan di WADAH Negeri sebagai kumpulan wang WADAH Negeri dan an menetapkan jenis-jenis perbelanjaan yang akan menggunakan wang WADAH Negeri.

FASAL 20 - JURU AUDIT

- 20.1 Dua (2) orang yang bukannya pegawai WADAH boleh dilantik di dalam Muktamar Perwakilan Tahunan Pusat atau Negeri sebagai Juruaudit. Mereka akan memegang jawatan selama satu tahun dan tidak boleh di lantik semula. Tanpa menjejaskan keluasan peruntukan ini, JKP boleh, jika difikirkan perlu, dari semasa ke semasa melantik juruaudit bertauliah sebagai Pemeriksa Kira-Kira bagi mengaudit akaun-akaun WADAH dan/atau mengarahkan JKN berbuat demikian.
- 20.2 Juruaudit adalah dikehendaki memeriksa kira-kira WADAH bagi setahun dan membuat laporan atau pengesahan untuk muktamar tahunan. Presiden atau Pengerusi boleh meminta Juruaudit mengaudit kira-kira atau akaun WADAH bagi tempoh tertentu dan membuat laporan kepada JKP atau JKN, mengikut mana-mana yang berkenaan.

FASAL 21 - PEMEGANG AMANAH

- 21.1 Tertakluk kepada apa-apa ketetapan yang dibuat di muktamar atau apa-apa arahan atau peraturan yang dibuat oleh JKP dari semasa ke semasa, WADAH (sama ada di peringkat pusat, negeri

- atau wilayah) boleh membeli atau memperolehi dan menjual, menukar, mencagar, menggadai, menyewa, menyerahkan hak, memajak atau mengurus apa jua jenis harta boleh alih atau tak alih dengan apa-apa cara yang sah dan di anggap dapat memberi faedah kepada WADAH.
- 21.2 Tiga (3) orang pemegang amanah dari kalangan ahli yang berumur lebih daripada 21 tahun bolehlah dilantik oleh JKP atau JKN di dalam muktamar tahunan dan pemegang-pemegang amanah itu hendaklah berkhidmat selama tempoh yang diputuskan oleh muktamar berkenaan.
- 21.3 Pemegang-pemegang amanah hendaklah menandatangani suatu surat ikatan amanah (Deed of Trust) bagi semua harta tak alih hakmilik WADAH yang dipegang atau didaftarkan atas nama pemegang-pemegang amanah.
- 21.4 Sesalinan setiap surat ikatan amanah yang ditelah disempurnakan dan disetem hendaklah disimpan oleh Setiausaha Agung atau Setiausaha Negeri. Setiausaha Negeri hendaklah mengemukakan sesalinan semua surat ikatan amanah yang telah disempurnakan dan disetem kepada Setiausaha Agung dalam masa 30 hari selepas ianya disetem.
- 21.5 JKP berkuasa dari semasa ke semasa membuat sebarang ketetapan mengenai format dan kandungan surat ikatan amanah yang akan digunakan olehnya atau JKN dan mengeluarkan arahan-arahan yang tidak bercanggah dengan ketetapan-ketetapan muktamar mengenai harta tak alih dan pengamanahannya.
- 21.6 Pemegang-pemegang amanah tidak boleh menjual, menyerahkan balik atau memindahkan hakmilik atau harta kepunyaan WADAH dengan tidak mendapat kelulusan dan kuasa yang diberikan oleh muktamar.
- 21.7 Seseorang pemegang amanah boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh muktamar oleh sebab uzur kerana penyakit, tidak siuman, tidak berada di dalam negeri untuk tempoh melebihi 6 bulan atau kerana sebab lain yang mengakibatkan ia tidak dapat menjalankan tugasnya dengan memuaskan. Muktamar boleh melantik pemegang-pemegang baru bagi memenuhi apa-apa kekosongan dalam jawatan pemegang amanah akibat daripada kematian, perletakan atau perlucutan jawatan.
- 21.8 Setiausaha Agung dan Setiausaha Negeri hendaklah menyimpan dan mengemaskini suatu senarai harta tak alih yang didaftarkan atau dipegang oleh pemegang-pemegang amanah.

FASAL 22 - TAFSIRAN UNDANG-UNDANG

- 22.1 Jika berbangkit sebarang perselisihan di atas tafsiran mengenai mana-mana peruntukan dalam Perlembagaan ini atau mana-mana peraturan muktamar yang diluluskan oleh muktamar, maka JKP boleh memberikan tafsirannya kepada Perlembagaan ini. JKP boleh memutuskan apa-apa perkara yang tidak terkandung dalam Perlembagaan ini.
- 22.2 Kecuali mengenai perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat dalam muktamar, keputusan JKP berkaitan dengan ahli-ahli adalah muktamad selama ianya tidak diubah oleh keputusan muktamar.

FASAL 23 - PENASIHAT/PENAUNG

- 23.1 JKP, boleh jika difikirkan perlu, melantik orang-orang yang layak menjadi Penasihat atau Penaung bagi WADAH dengan syarat orang yang dilantik itu menyatakan persetujuannya secara bertulis.

FASAL 24 - LARANGAN

- 24.1 Permainan yang disebutkan di bawah ini tidak boleh dimainkan di dalam rumah Pertubuhan: Roulette, Lotto, Fan Tan, Poh, Peh Bin, Belangkai, Pai Kau, Tau Ngau, Tie n Kow, Cap Ji

- Kee, Sam Cheong, Dua Puloh Satu, Tiga Puloh Satu, Sepuluh dan Setengah, semua permainan dadu, banker's game dan semua permainan yang bergantung semata-mata kepada nasib.
- 24.2 WADAH atau ahli-ahlinya tidak boleh menghalang atau dengan apa cara jua, mengganggu perniagaan atau harga barang-barang atau mengambil peranan di dalam gerakan kesatuan sekerja yang didaftarkan di bawah Akta Kesatuan Sekerja, 1959.
- 24.3 Pertubuhan ini tidak boleh menjalankan loteri sama ada dikhaskan kepada ahli-ahli atau tidak, atas nama Pertubuhan atau pegawai-pegawainya atau Jawatankuasa atau ahli tanpa kelulusan daripada pihak berkuasa berkenaan.
- 24.4 "Faedah" atau "benefit" seperti yang ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta tidaklah boleh diberikan oleh WADAH kepada mana-mana ahlinya.

FASAL 25 - PINDAAN UNDANG-UNDANG

- 25.1 Perlembagaan ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan muktamar. Permohonan untuk perubahan atau pindaan kepada Perlembagaan ini hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 28 hari dari tarikh keputusan muktamar meluluskan perubahan atau pindaan itu dan perubahan atau pindaan itu hanya boleh berkuatkuasa mulai daripada tarikh perubahan-perubahan dan pindaan-oindaan itu dibenarkan oleh Pendaftar Pertubuhan.

FASAL 26 - PEMBUBARAN WADAH

- 26.1 WADAH boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tidak kurang daripada tiga perlima (3/5) daripada jumlah semua wakil Wadah Negeri/wakil ahli yang hadir dalam suatu Muktamar Tahunan Pusat dipanggil khas kerananya.
- 26.2 Sekiranya WADAH hendak dibubarkan secara yang disebutkan di atas, maka segala hutang dan tanggungan WADAH yang sah mengikut undang-undang hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujui dalam muktamar berkenaan.
- 26.3 Kenyataan bersabit dengan pembubaran itu hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 14 hari dari tarikh pembubaran itu.

Presiden
Dato' Ahmad Azam Ab Rahman

Setiausaha Agung
Dr. Muhamad Razak Idris